

# Adat, budaya tidak harus dipinggirkan – Dr. M

**KUALA LUMPUR 20 Sept.** - Generasi masa kini tidak harus membiarkan nilai kemanusiaan, adat dan budaya terhakis serta terpinggir dalam mengejar kejayaan di era moden masa kini, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Malah Perdana Menteri berkata, arus kemajuan di era digital dan automasi seharusnya mampu dimanfaatkan dalam membentuk anak bangsa yang lebih berjaya, dan pada masa sama tetap berpegang teguh kepada nilai, adat dan budaya.

"Kita sebenarnya membenarkan diri terperangkap dalam arus kemajuan era digital dan automasi. Kita seolah-olah tidak berupaya untuk menerap nilai-nilai yang baik apabila terpaksa mengejar kemodenan kerana tidak mahu ketinggalan.

"Sering terdengar rungutan bahawa generasi masa kini terbawabawa dengan modenisasi sehingga



**DR. MAHATHIR MOHAMAD menandatangani plat Piagam Warisan dan Budaya Tanah Air sambil disaksikan Pengerusi Yayasan Budi, Tan Sri Dr. Rais Yatim (kiri) serta Pengasas Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA**

mempinggirkan nilai kemanusiaan, adat dan budaya. Akibatnya, ada dalam kalangan kita tidak beradab dan keluar dari batasan agama,"

katanya ketika berucap melancarkan Piagam Warisan dan Budaya Tanah Air di Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Piagam tersebut adalah hasil resolusi-resolusi yang telah dibentangkan pada Kongres Kebudayaan 1971 dan Kongres Budaya

pada 2017 dalam melestari bidang warisan dan budaya negara.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa ramai bangsa yang berjaya pada hari ini adalah dalam kalangan mereka yang berpegang teguh kepada amalan-amalan dan nilai murni tersebut.

"Saya berharap Piagam Warisan dan Budaya Tanah Air ini akan membawa kita setapak lagi lebih dekat kepada mencapai pengisian masyarakat berbudaya tinggi termasuk kelestarian budaya Melayu yang utuh.

"Ia (piagam) juga diharap turut mempromosi bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Dewan Bahasa Pustaka ialah institusi yang bertanggungjawab untuk memartabatkan bahasa Melayu, justeru, dengan adanya piagam baharu ini perjuangan kita dalam menjiwai bahasa jiwa bangsa akan lebih berkesan lagi," katanya. - BERNAMA